

02/02/2001

Shahrir nafi dedah perkara berbangkit dalam mesyuarat MT

KUALA LUMPUR, Khamis - Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Shahrir Abdul Samad, menafikan pernah membuat sebarang kenyataan kepada majalah Asiaweek berhubung perkara yang berbangkit dalam mesyuarat MT.

"Apa yang dilaporkan kononnya saya pernah memarahi Presiden parti sewaktu mesyuarat MT, tidak benar sama sekali.

"Kenyataan yang saya buat selama ini cuma berdasarkan maklum balas dan perasaan tidak puas hati ahli di peringkat akar umbi terhadap perjalanan parti dan kepemimpinan Umno," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Shahrir yang juga Ketua Umno Bahagian Johor Bahru, berkata demikian ketika mengulas penafian Umno semalam berhubung laporan Asiaweek keluaran 26 Januari lalu.

Dalam laporan khasnya mengenai Malaysia dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, majalah itu melaporkan Shahrir kononnya dalam satu mesyuarat MT pada Disember lalu, memarahi Perdana Menteri kerana dikatakan menjadi punca utama kekalahan teruk Umno dalam beberapa kerusi pada pilihan raya umum lalu.

Surat penafian Umno itu ditandatangani Setiausaha Kerja Umno, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, menegaskan: "Shahrir tidak pernah mengeluarkan atau membuat kenyataan kepada Perdana Menteri dalam mesyuarat yang disebut dalam artikel anda. Ini adalah satu pembohongan yang terang-terang dan laporan tidak adil dari pihak anda,".

Melalui surat itu, Tengku Adnan turut mempersoalkan tindakan melampau Asiaweek yang ternyata bukan sahaja mencetuskan isu berikutan kekalahan BN dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas, November lalu, bahkan usaha jelas untuk melaga-lagakan sesama pemimpin Umno.

Laporan keterlaluan seperti itu, katanya, hanya menjejaskan kewibawaan Asiaweek sebagai majalah disegani masyarakat antarabangsa.

(END)